



## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

3. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.





## PERAK INDUSTRIAL RESOURCES SDN.BHD. (Syarikat Berhad Menurut Syer Milik Penuh PKNP)

### RUMUSAN AUDIT

**Objektif** penubuhan Perak Industrial terutamanya dalam meningkatkan kedudukan kewangan syarikat dan pulangan dividen **belum tercapai**, amalan tadbir urus korporat **kurang memuaskan** & **kedudukan kewangan kurang stabil**.

#### PENCAPAIAN OUTPUT

**71.1% dan 78.2%**

Pencapaian strategi memperkemas operasi syarikat

**72.5% - 145.1%**

Pencapaian strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada

**1 daripada 2 projek berjaya disiapkan**

Pencapaian strategi meneroka bidang perniagaan baharu

#### PENCAPAIAN KEBERHASILAN

**Kurang stabil dan risiko usaha berterusan**

**RM19.39 juta**

Kerugian terkumpul (2022)

Prestasi Kewangan Syarikat



**Tiada pulangan dividen kepada syarikat induk**

#### PENGURUSAN AKTIVITI

**Aktiviti Perak Industrial**

**KURANG CEKAP**

Pegangan saham dalam syarikat bukan teras **tidak menjana pulangan dividen**

**Aktiviti Usaha Sama**

**KURANG CEKAP**

**Pelaksanaan projek terjejas**  
kerana kekurangan dana

**Aktiviti Syarikat Subsidiari**

**KURANG CEKAP**

Tunggakan sewaan melebihi **5** bulan  
**RM318,856**

Aktiviti latihan dan kursus mencatatkan kerugian pada tahun 2020 – 2022

**RM1.79 juta**

#### TADBIR URUS KORPORAT

**KURANG MEMUASKAN**

**6 daripada 8**  
aspek **tidak diamalkan**  
sepenuhnya

Pengerusi

Lembaga Pengarah

Ketua Pegawai Eksekutif

Setiausaha Syarikat

Prosedur Operasi Standard

Pelan Strategik dan Petunjuk Pretasi Utama

Jawatankuasa Audit

Audit Dalam



## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

### **PERAK INDUSTRIAL RESOURCES SDN. BHD.**

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (Perak Industrial) ditubuhkan pada 4 Disember 1997 di bawah Akta Syarikat 1965. Perak Industrial merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan modal berbayar berjumlah RM5 juta.
- Objektif penubuhan Perak Industrial adalah untuk mempertingkatkan prestasi kewangan syarikat; menerokai ruang dan peluang perniagaan yang baharu dan berpotensi untuk diwujudkan; serta menambah pulangan pendapatan dan membayar dividen secara konsisten kepada PKNP.
- Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti utama syarikat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Selain itu, aktiviti melalui syarikat subsidiari dan usaha sama juga dinilai bagi tempoh yang sama. Penilaian prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Perkara yang dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian strategi memperkemas operasi syarikat, mengukuhkan perniagaan sedia ada dan meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan prestasi kewangan Perak Industrial dan syarikat subsidiari serta pulangan dividen tahunan kepada PKNP.
- Bagi menilai pengurusan aktiviti, perkara yang diaudit meliputi aktiviti yang dilaksanakan oleh Perak Industrial, aktiviti melalui syarikat subsidiari dan aktiviti usaha sama.
- Selain itu, pengauditan melibatkan lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

- Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

**Mengapa ia  
penting  
untuk  
diaudit?**

- Untuk menilai pencapaian objektif penubuhan Perak Industrial melalui pengurusan aktiviti syarikat, syarikat subsidiari dan usaha sama yang cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.
- Setakat 31 Disember 2022, kerugian terkumpul yang dicatatkan adalah sejumlah RM19.39 juta.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, Perak Industrial belum berjaya mencapai objektif penubuhan syarikat terutamanya dalam meningkatkan kedudukan kewangan syarikat dan pulangan dividen. Selain itu, pengurusan empat daripada tujuh aktiviti yang diaudit adalah kurang cekap manakala amalan tadbir urus korporat kurang memuaskan di mana enam daripada lapan aspek tidak diamalkan sepenuhnya. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah seperti berikut:
  - kedudukan kewangan Perak Industrial bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah kurang stabil dan berisiko usaha berterusan (going concern) sekiranya syarikat masih mencatat kerugian terkumpul yang melebihi jumlah modal berbayar;
  - kedudukan keseluruhan syarikat subsidiari adalah kurang stabil kerana dua syarikat masih mencatatkan kerugian terkumpul dan satu syarikat mencatatkan penurunan keuntungan terkumpul pada tahun 2022;
  - Perak Industrial masih gagal memberi pulangan dividen kepada syarikat induk;
  - aktiviti pegangan saham dalam syarikat bukan teras kurang cekap kerana tidak menjana pendapatan pasif melalui bayaran dividen;
  - pengurusan aktiviti aset dan fasiliti adalah kurang cekap kerana masih belum berjaya mengutip tunggakan sewaan melebihi lima bulan;
  - pengurusan aktiviti latihan dan kursus adalah kurang cekap kerana mencatatkan kerugian bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022;

- pelaksanaan aktiviti usaha sama ternakan udang air masin kurang cekap disebabkan kelewatan membina tapak ternakan kerana kekurangan dana yang mencukupi; dan
- tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dibuat secara bertulis; tiada ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas; terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat tidak disediakan; SOP tidak disediakan dengan lengkap; Jawatankuasa Audit tidak membuat penilaian terhadap kawalan dalaman operasi syarikat; serta Audit Dalam tidak membuat pengauditan terhadap Perak Industrial bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan Perak Industrial dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah Perak Industrial perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Perak Industrial supaya mempertimbangkan perkara seperti berikut:
  - mengkaji semula pelaburan dalam perniagaan bukan teras bagi memastikan pelaburan dapat menjana pendapatan pasif melalui pembayaran dividen tahunan;
  - mempertingkatkan pemantauan terhadap aktiviti aset dan fasiliti, latihan dan kursus serta penternakan udang air masin daripada segi operasi perniagaan dan prestasi kewangan;
  - mengenal pasti dan meneroka aktiviti perniagaan baharu yang boleh menjana pendapatan seterusnya dapat meningkatkan keuntungan terkumpul syarikat; dan
  - mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik antaranya berkaitan lantikan Pengerusi, Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat; pengemaskinian dan pemantauan SOP; serta pelaksanaan tanggungjawab dan peranan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.



## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

### 3. PERAK INDUSTRIAL RESOURCES SDN. BHD.

#### FAKTA UTAMA

<b>4 Disember 1997</b> Tarikh penubuhan	<b>Jenis Syarikat</b> Syarikat Berhad Menurut Syer	<b>Objektif Penubuhan</b> Untuk mempertingkatkan prestasi kewangan syarikat; menerokai ruang dan peluang perniagaan yang baharu dan berpotensi untuk diwujudkan; serta menambah pulangan pendapatan dan membayar dividen secara konsisten kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
<b>RM5 Juta</b> Modal berbayar	<b>100%</b> Dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	- Perkhidmatan pengurusan, sewaan, perniagaan francais, pegangan saham dan pemasaran
<b>Aktiviti Utama</b>	Aktiviti dilaksanakan sendiri  Aktiviti melalui syarikat subsidiari  Aktiviti usaha sama	- Pengurusan aset dan fasiliti; latihan dan kursus; serta hartanah dan kuari  - Asas tani makanan dan penyelarasian utiliti
<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b> 2020 – RM2.96 juta 2021 – (RM370,000) 2022 – RM70,000	<b>Kerugian Terkumpul</b> 2020 – RM19.09 juta 2021 – RM19.48 juta 2022 – RM19.39 juta	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (Perak Industrial) ditubuhkan pada 4 Disember 1997 di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan syarikat subsidiari milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Perak Industrial adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer dengan modal berbayar sejumlah RM5 juta.

1.2. Objektif penubuhan Perak Industrial adalah untuk mempertingkatkan prestasi kewangan syarikat; menerokai ruang dan peluang perniagaan yang baharu dan berpotensi untuk diwujudkan; serta menambah pulangan pendapatan dan membayar dividen secara konsisten kepada PKNP. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, bidang kuasa Perak Industrial adalah antaranya untuk menjalankan perniagaan berkaitan pertanian, pembuatan, mineral, perladangan, kuari, pembalakan dan pelombongan pasir; pemilikan saham dan pelaburan; menjadi ejen dan penasihat serta fungsi lain melibatkan latihan; dan menjalankan perniagaan berkaitan perkhidmatan pengurusan.

1.3. Aktiviti utama Perak Industrial terdiri daripada perkhidmatan pengurusan, sewaan, perniagaan francais, pegangan saham dan pemasaran. Maklumat lanjut aktiviti yang dilaksanakan oleh Perak Industrial seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**AKTIVITI UTAMA PERAK INDUSTRIAL**

BIL.	AKTIVITI	PERINCIAN AKTIVITI	CONTOH PERKHIDMATAN
1.	Perkhidmatan pengurusan	Memberikan perkhidmatan pengurusan sumber manusia, Setiausaha Syarikat, kewangan, perakaunan dan percuaiian, pentadbiran serta perundungan kepada PKNP dan syarikat subsidiari.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Setiausaha Syarikat, kewangan dan pentadbiran kepada PKNP dan syarikat subsidiari.</li> <li>• Pengurusan bagi syarikat PMSB.</li> </ul>
2.	Sewaan	Perkhidmatan sewaan tanah dan bangunan syarikat kepada pihak ketiga.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewaan tanah untuk tanaman kontan.</li> </ul>
3.	Perniagaan francais (beroperasi mulai Oktober 2022)	Menjalankan perniagaan <i>food and beverages</i> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan Wing Zone.</li> </ul>
4.	Pegangan saham	Memiliki pegangan ekuiti dalam syarikat bukan teras.	<p>Pegangan ekuiti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat 341580-T</li> <li>• Syarikat 204706-X</li> </ul>
5.	Pemasaran (aktiviti ditamatkan pada tahun 2023)	Perkhidmatan pengurusan acara dan pelancongan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurus acara, mesyuarat dan seminar.</li> <li>• Penjualan pakej pelancongan.</li> <li>• Penjualan tiket Lost World of Tambun.</li> </ul>

Sumber: Fail Projek Perak Industrial

1.4. Setakat 31 Disember 2022, Perak Industrial mempunyai lima syarikat subsidiari dengan pegangan saham 100%. Selain itu, Perak Industrial mempunyai tiga syarikat yang diwujudkan melalui usaha sama dengan pegangan saham antara 51% hingga 85% dan pegangan saham dalam dua syarikat bukan teras. Pada akhir tahun kewangan 2022, jumlah pegangan saham Perak Industrial dalam sepuluh syarikat ialah RM17.18 juta seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEGANGAN SAHAM PERAK INDUSTRIAL DAN AKTIVITI SEPULUH SYARIKAT SETAKAT BULAN DISEMBER 2022**


BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH PENUBUHAN	PEGANGAN SAHAM			AKTIVITI UTAMA/ASAL
			%	RM	STATUS SYARIKAT	
<b>Syarikat Subsidiari</b>						
1.	Pengurusan Murni Sdn. Bhd.	14.02.1992	100	411,526	Aktif	Pengurusan aset dan fasiliti
2.	PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd.	07.07.1999	100	250,000	Aktif	Hartanah dan kuari
3.	Perak Centre of Excellent Sdn. Bhd.	11.02.2000	100	30,000	Aktif	Latihan dan kursus
4.	PIRSB Bio Tech Corporation Sdn. Bhd.	31.07.2000	100	2	Dorman	Bioteknologi dan seramik
5.	Zenith Certification Sdn. Bhd.	27.09.1994	100	2	Dorman	Hartanah dan perkhidmatan pengurusan
<b>Syarikat Usaha Sama</b>						
6.	Perak ITC Sdn. Bhd.	12.12.1998	85	1,020,000	Dorman	Pembalakan
7.	Koridor Utiliti Darul Ridzuan Sdn. Bhd.	24.09.2010	77	500,000	Aktif	Penyelarasan utiliti
8.	Nation Talent Sdn. Bhd.	09.01.2001	51	510,000	Aktif	Penternakan udang air masin

BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH PENUBUHAN	PEGANGAN SAHAM			AKTIVITI UTAMA/ASAL
			%	RM	STATUS SYARIKAT	
<b>Syarikat Bukan Teras</b>						
9.	Syarikat 341580-T	24.04.1995	20	12,000,000	Aktif	Pengurusan ladang
10.	Syarikat 204706-X	24.09.1990	25	2,460,000	Aktif	Pengoperasian depot dalam negeri
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>17,181,530</b>			

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022 serta SSM

1.5. Sasaran dan hala tuju Perak Industrial adalah berdasarkan Rangka Tindakan Strategik 2020-2025 seperti dalam **Rajah 1**.

**RAJAH 1**  
**SASARAN DAN HALA TUJU PERAK INDUSTRIAL BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2025**



Sumber: Rangka Tindakan Strategik 2020 – 2025 Perak Industrial


1.6. Pendapatan Perak Industrial bagi tempoh 2020 hingga 2022 dijana menerusi empat aktiviti seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENDAPATAN PERAK INDUSTRIAL BERDASARKAN AKTIVITI UTAMA BAGI TEMPOH TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**

BIL.	AKTIVITI	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
1.	Perkhidmatan pengurusan	3,552,615	3,214,448	2,375,697
2.	Penyewaan	525,475	452,226	175,919
3.	Perkhidmatan pemasaran	-	6,923	191,661
4.	Perniagaan francais	-	-	179,470
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>4,078,090</b>	<b>3,673,597</b>	<b>2,922,747</b>


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

1.7. Model perniagaan Perak Industrial seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.8. Setakat 31 Disember 2022, Perak Industrial mempunyai dua ahli Lembaga Pengarah iaitu Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sebagai Pengurus serta Pengarah Kewangan dan Akaun PKNP sebagai ahli. Pengurusan Perak Industrial diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan mempunyai seramai 32 kakitangan. Carta organisasi Perak Industrial seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Carta Organisasi Perak Industrial

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan Perak Industrial melalui pengurusan aktiviti syarikat, syarikat subsidiari dan usaha sama yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan yang kukuh.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh Perak Industrial, aktiviti melalui syarikat subsidiari dan aktiviti usaha sama bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti utama syarikat. Penilaian prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Perkara dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian strategi memperkemas operasi syarikat; mengukuhkan perniagaan sedia ada; dan meneroka bidang perniagaan baru yang berdaya saing. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan prestasi kewangan Perak Industrial dan syarikat subsidiari; serta pulangan dividen tahunan kepada PKNP.

3.2. Pengurusan aktiviti dinilai terhadap tiga perkara iaitu aktiviti yang dilaksanakan oleh Perak Industrial, aktiviti melalui syarikat subsidiari dan aktiviti usaha sama. Pemilihan aktiviti ini dibuat kerana aktiviti tersebut menyumbang kepada pendapatan utama syarikat dan syarikat subsidiari. Aktiviti pemasaran telah ditamatkan pada tahun 2023 dan perniagaan francais pula baru beroperasi mulai bulan Oktober 2022 serta aktiviti penyelarasian utiliti melalui syarikat usaha sama masih belum dilaksanakan.

3.3. Selain itu, pengauditan melibatkan lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

3.4. Pengauditan dijalankan di pejabat Perak Industrial yang terletak di Perak Techno Trade Centre (PTTC), Meru, Ipoh.

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan Perak Industrial serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat di pejabat Perak Industrial juga telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pemeriksaan fizikal telah dijalankan di satu lokasi iaitu Tapak Perindustrian Segari di Pengkalan Baharu, Manjung untuk aktiviti usaha sama penternakan udang air masin.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan Perak Industrial bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 yang telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar PLT. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan pada bulan April hingga Jun 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada Perak Industrial telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 10 Ogos 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

##### **5.1. Prestasi Aktiviti**

Dua aspek utama yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

###### **5.1.1 Pencapaian Output**

Pencapaian output dinilai berdasarkan Rangka Tindakan Strategik 2020 - 2025 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 15 Julai 2020. Rangka Tindakan Strategik ini memfokuskan kepada hala tuju perniagaan Perak Industrial dan Kumpulan pada tahun 2020 hingga 2025. Tiga strategi pelaksanaan yang ditetapkan ialah memperkemas operasi syarikat, mengukuhkan perniagaan sedia ada dan meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing. Pencapaian sasaran ini bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti perenggan berikut:

### **5.1.1.1 Pencapaian Strategi Memperkemas Operasi Syarikat**

- a. Perak Industrial telah menetapkan dua sasaran yang perlu dicapai iaitu penyelesaian hutang sejumlah RM19.90 juta kepada PKNP dan pelupusan ekuiti sejumlah RM17.40 juta dalam syarikat bukan teras bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Justeru, lapan tindakan telah dirangka untuk dilaksanakan bagi mencapai dua sasaran tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2020, Perak Industrial mempunyai sejumlah RM40.46 juta hutang kepada PKNP. Hutang tersebut merangkumi pendahuluan bagi perbelanjaan kos penggajian pekerja sejumlah RM29.13 juta (72%), pindahan kos projek Perindustrian Bandariang sejumlah RM2.38 juta (5.9%) dan pendahuluan bagi pembelian saham syarikat subsidiari PKNP lain sejumlah RM8.95 juta (22.1%).
- c. Setakat tahun 2022, empat (80%) daripada lima tindakan penyelesaian hutang kepada PKNP telah berjaya dilaksanakan. Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM14.15 juta (71.1%) berbanding sasaran RM19.90 juta hutang kepada PKNP telah diselesaikan. Satu tindakan penyelesaian hutang kepada PKNP belum dilaksanakan kerana Perak Industrial masih dalam proses perbincangan dengan PKNP.
- d. Selain itu, pihak Audit mendapati Perak Industrial mensasarkan untuk melupuskan ekuiti dalam tiga syarikat dan menjana dana sejumlah RM17.40 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Bagaimanapun, hanya ekuiti dalam Syarikat 341580-T telah dilupuskan pada tahun 2021 yang menjana dana sejumlah RM13.6 juta (78.2%) berbanding sasaran. Pelupusan ekuiti dalam Syarikat 204706-X dan Syarikat 772917-P yang dimiliki oleh syarikat subsidiari Perak Industrial telah ditangguhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2021 pada 2 Mac 2021 bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.
- e. Analisis Audit mendapati penjualan saham Syarikat 341580-T pada harga RM13.60 juta adalah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM13 juta. Analisis Audit juga mendapati penjualan saham ini menguntungkan Perak Industrial kerana nilai jualan saham adalah pada harga pasaran dan melebihi kos pelaburan.
- f. Syarikat mempunyai tiga tahun lagi untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Maklumat lanjut pencapaian strategi memperkemas operasi syarikat

berbanding sasaran bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENCAPAIAN STRATEGI MEMPERKEMAS OPERASI SYARIKAT**  
**BERBANDING SASARAN SETAKAT TAHUN 2022**

BIL.	TINDAKAN	KOS PELABURAN (RM Juta)	NILAI PASARAN PADA TAHUN 2019 (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (RM Juta)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
<b>PENYELESAIAN HUTANG KEPADA PKNP</b>						
1.	Penyerahan tanah Pt 1579, 1585 dan 1586 di Mukim Chenderiang kepada PKNP	1.46	5.83	4.90	5.80	118.4
2.	Penjualan saham dalam Syarikat 289680-K	2.00	1.20 <sup>1</sup>	1.30	1.20	92.3
3.	Pindahan kos dan aktiviti pembalakan kepada PKNP	3.94	2.25 <sup>2</sup>	2.30	2.25	97.8
4.	Pelarasan hutang dengan kenaikan modal berbayar Perak Industrial	Tidak berkaitan		4.90	4.90	100
5.	Penjualan tanah Lot 57742 dan 34355 di Kanthan V <sup>5</sup>	5.50	6.00	6.50	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>12.90</b>	<b>15.28</b>	<b>19.90</b>	<b>14.15</b>	<b>71.1</b>
<b>PELUPUSAN EKUITI DALAM SYARIKAT BUKAN TERAS</b>						
6.	Pelupusan ekuiti dalam Syarikat 341580-T	12.00	13.00	13.00	13.60	104.6
7.	Pelupusan ekuiti dalam Syarikat 204706-X <sup>6</sup>	2.46	1.70 <sup>3</sup>	1.70	0.00	0.0
8.	Pelupusan ekuiti dalam Syarikat 772917-P <sup>6</sup>	2.68	2.68 <sup>4</sup>	2.70	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>17.14</b>	<b>17.38</b>	<b>17.40</b>	<b>13.60</b>	<b>78.2</b>

Sumber: Rangka Tindakan Strategik 2020 – 2025 Perak Industrial

Nota:

<sup>1</sup> - Penilaian dibuat oleh Jabatan Insolvensi Malaysia

<sup>2</sup> - Nilai setelah ditolak peruntukan susut nilai RM1.69 juta

<sup>3</sup> - Syarikat mengalami kerugian pada tahun 2015 hingga 2022

<sup>4</sup> - Pelaburan telah dirosot nilai pada tahun 2019

<sup>5</sup> - Tindakan belum dilaksanakan

<sup>6</sup> - Tindakan ditangguhkan

### Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023

Tanah Lot 57742 dan 34355 di Kanthan V merupakan projek usaha sama pembangunan rumah mampu milik yang mana pendapatan usaha sama akan diterima secara berperingkat hingga tahun 2026. Cadangan sebahagian penyelesaian hutang kepada PKNP akan dilihat semula berdasarkan kepada nilai pulangan terkini dan kedudukan aliran tunai Perak Industrial terutamanya bagi tujuan dana ke atas projek yang dirancang.

Pelupusan ekuiti dalam Syarikat 204706-X ditangguhkan atas kepentingan Kerajaan Negeri melalui pegangan saham oleh syarikat subsidiari. PKNP telah melantik konsultan iaitu Mazars Risk Management Sdn. Bhd. untuk menutup syarikat yang tidak mempunyai nilai strategik di dalam Kumpulan PKNP termasuk Syarikat 772917-P.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian strategi memperkemas operasi syarikat adalah baik iaitu lima daripada lapan sasaran telah dilaksanakan dengan pencapaian 71.1% dan 78.2% berbanding sasaran yang ditetapkan setakat tahun 2022.**

#### **5.1.1.2 Pencapaian Strategi Mengukuhkan Perniagaan Sedia Ada**

- a. Dua sasaran yang ditetapkan oleh Perak Industrial bagi mencapai strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada iaitu mendapat hasil royalti pengeluaran batu granit sejumlah RM40,000 sebulan (RM480,000 setahun) dan menjana pendapatan bersih dari sewaan Asrama Murni sejumlah RM30,050 sebulan (RM360,600 setahun).
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, hasil royalti pengeluaran batu granit yang diterima oleh Perak Industrial adalah antara RM347,831 (72.5%) hingga RM696,275 (145.1%) berbanding sasaran RM480,000. Peratus hasil royalti yang diterima melebihi sasaran pada tahun 2021 dan 2022 adalah disebabkan peningkatan pengeluaran hasil kuari pada tahun tersebut. Perkara ini menyebabkan hasil royalti yang diterima oleh Perak Industrial juga turut meningkat dan strategi kutipan royalti tercapai.
- c. Semakan Audit juga mendapati bagi tempoh yang sama, pendapatan bersih dari sewaan Asrama Murni adalah antara RM290,762 (80.6%) hingga RM310,559 (86.1%) berbanding sasaran RM360,600. **Pendapatan sewaan Asrama Murni masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan disebabkan kos penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan yang tinggi perlu ditanggung oleh Perak Industrial.** Keadaan ini menyebabkan pendapatan dari sewaan Asrama Murni belum mampu untuk meningkatkan keuntungan Kumpulan.
- d. Sasaran dan pencapaian strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN STRATEGI MENGUKUHKAN PERNIAGAAN SEDIA ADA**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	SASARAN (RM)	2020		2021		2022	
		P (RM)	PP (%)	P (RM)	PP (%)	P (RM)	PP (%)
Mendapat hasil royalti pengeluaran batu granit RM40,000 sebulan	480,000	347,831	72.5	696,275	145.1	647,180	134.8
Menjana pendapatan bersih dari sewaan Asrama Murni RM30,050 sebulan	360,600	303,150	84.1	310,559	86.1	290,762	80.6

Sumber: Rangka Tindakan Strategik 2020 – 2025 Perak Industrial

Nota: P – Pencapaian PP – Peratus Pencapaian

**Maklum Balas Perak Industrial pada 17 Ogos 2023**

Operasi mineral granit di Segari dijangka akan tamat pada tahun 2032. Perak Industrial juga telah mendapat kelulusan daripada PKNP melalui surat bertarikh 30 Mac 2023 bagi mengusaha dan menguruskan mineral kaolin di Mukim Teja Daerah Kampar seluas 107.119 ekar sebagai sumber hasil baru. Projek ini dijangka hanya dapat beroperasi dalam tempoh dua hingga tiga tahun selepas kelulusan lesen diperoleh.

PKNP telah mengambil alih pengurusan Asrama Murni mulai tahun 2023 untuk dijadikan *Central Labour Quarters* (CLQ) di Negeri Perak yang dijangka siap pada tahun 2025. PMSB akan diberi keutamaan untuk meneruskan kontrak bagi kerja perkhidmatan landskap di CLQ tersebut.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada adalah baik pada tahun 2020 hingga 2022 dengan pencapaian antara 72.5% hingga 145.1% berbanding sasaran yang ditetapkan.**

**5.1.1.3 Pencapaian Strategi Meneroka Bidang Perniagaan Baharu yang Berdaya Saing**

- Tiga sasaran yang ditetapkan oleh Perak Industrial bagi mencapai strategi meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing ialah menjana untung bersih sejumlah RM200,000 setahun bagi projek usaha sama penanaman ubi keledek, menjana pulangan pelaburan 155% bagi projek usaha sama penternakan udang dan mewujudkan tiga pusat termasuk berkuasa 30 megawatt setiap satu.

- b. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2020 hingga 2022, hanya satu (33.3%) daripada tiga projek yang disasarkan telah dilaksanakan iaitu projek usaha sama penanaman ubi keledek. Pihak Audit mendapati projek usaha sama penanaman ubi keledek telah dimulakan pada bulan Oktober 2019 melalui kerjasama dengan Syarikat 622985-M. Bagaimanapun, usaha sama tersebut telah dibatalkan pada bulan Oktober 2022 berdasarkan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 3 Januari 2022.
- c. Pembatalan usaha sama ini disebabkan peningkatan kos operasi melebihi kos yang diperuntukkan dalam perancangan awal dan kekurangan sumber manusia untuk tujuan pengurusan dan pemantauan projek. Pembatalan projek ini menyebabkan Perak Industrial tidak dapat mencapai sasaran untuk menjana untung bersih sejumlah RM200,00 setahun. Bagaimanapun, Perak Industrial telah menerima semula sejumlah RM552,980 (102.1%) daripada kos permulaan yang telah dikeluarkan iaitu RM541,661. Pada masa sekarang, tanah usaha sama penanaman keledek telah disewakan kepada Syarikat 622985-M bagi tempoh tujuh tahun pada kadar RM108,872 setahun.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati projek penternakan udang masih di peringkat pembinaan tapak ternakan. Perkara ini berlaku kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghadkan aktiviti sektor pembinaan dan permohonan pinjaman Perak Industrial sejumlah RM16 juta masih belum diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Perkara ini menyebabkan pembinaan tapak ternakan hanya mencapai 50% siap pada bulan Jun 2023 berbanding jangkaan 100% siap pada bulan Disember 2022 seperti yang ditetapkan dalam pelan tindakan perancangan tahun 2022 dan 2023. Bagaimanapun, Perak Industrial masih mempunyai tempoh tiga tahun lagi sehingga tahun 2025 untuk memastikan projek ini menjana pulangan 155% seperti yang disasarkan.
- e. Pihak Audit juga mendapati projek bagi mewujudkan tiga pusat terma di tanah seluas 163 ekar telah ditangguhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 pada 18 Disember 2020. Penangguhan ini disebabkan oleh arahan penangguhan projek daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Lestasi (SEDA) Malaysia yang akan mengkaji semula kesan pelaksanaan projek tersebut. Selain itu, berdasarkan maklum balas Perak Industrial, projek ini telah dibatalkan disebabkan perubahan polisi Kerajaan Persekutuan. Keadaan ini menyebabkan Perak Industrial tidak dapat menjana pendapatan daripada penggunaan tanah tersebut.

## **Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023 dan 9 Oktober 2023**

Berikutan penularan pandemik Covid-19, kerja pembinaan tapak ternakan udang air masin terkesan disebabkan pelaksanaan PKP dan juga kelulusan dana pembiayaan daripada Agrobank masih belum diperoleh. Dijangkakan projek fasa pertama akan siap pada awal tahun 2024.

Perak Industrial terpaksa membatalkan cadangan projek pusat terma di Ulu Slim disebabkan polisi Kerajaan Persekutuan telah menarik balik kuota penjanaan tenaga elektrik melalui kaedah geotermal selepas Perak Industrial dan Tenaga Nasional Berhad mengemukakan permohonan kuota kepada SEDA. Secara keseluruhannya, satu projek telah dilaksanakan, satu projek masih dalam pelaksanaan dan satu projek telah dibatalkan.

Antara perniagaan baharu yang dikenal pasti untuk dilaksanakan adalah perlombongan mineral kaolin di Mukim Teja Daerah Kampar seluas 107.12 ekar. Selain itu, perkhidmatan teknologi maklumat telah mula dilaksanakan dalam tahun 2023 yang menawarkan perkhidmatan dan produk teknologi maklumat merangkumi Skim Pajakan Komputer kepada jabatan kerajaan/agensi dan syarikat berkaitan kerajaan.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian strategi meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing adalah memuaskan dengan satu projek telah disiapkan. Namun, satu projek akan disiapkan pada tahun 2024 dan satu projek dibatalkan di luar kawalan syarikat.**

### **5.1.2 Pencapaian Keberhasilan**

Perak Industrial tidak menetapkan pencapaian keberhasilan secara khusus. Namun selaras dengan penstrukturkan semula Perak Industrial pada tahun 2018, misi Perak Industrial adalah untuk mencapai pulangan yang maksimum kepada syarikat dan pemegang saham. Sehubungan itu, pihak Audit telah menilai pencapaian keberhasilan melalui prestasi kewangan Perak Industrial dan syarikat subsidiari serta pulangan dividen kepada PKNP.

### **5.1.2.1 Prestasi Kewangan Perak Industrial**


- a. Objektif penubuhan Perak Industrial antaranya adalah untuk mempertingkatkan prestasi kewangan syarikat.
- b. Analisis Audit telah dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit Perak Industrial tahun 2020, 2021 dan 2022 dan mendapat jumlah pendapatan menunjukkan trend penurunan. Jumlah pendapatan pada tahun 2022 menurun sejumlah RM4.52 juta (48.1%) berbanding tahun 2021. Peningkatan pendapatan lain tahun 2021 adalah disebabkan penjualan saham sejumlah RM5.47 juta.
- c. Analisis Audit selanjutnya mendapat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, Perak Industrial mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.96 juta pada tahun 2020 dan sejumlah RM70,000 pada tahun 2022. Bagaimanapun, **Perak Industrial mencatatkan kerugian sebelum cukai sejumlah RM370,000 pada tahun 2021.** Penurunan pendapatan dan pertambahan perbelanjaan menjadi penyumbang kepada kerugian yang dicatatkan pada tahun tersebut. **Setakat tahun 2022, Perak Industrial mencatat kerugian terkumpul berjumlah RM19.39 juta.**
- d. Analisis Audit juga mendapat **jumlah liabiliti melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 yang menunjukkan Perak Industrial tidak mampu menampung liabilitinya.** Amaun belum bayar kepada PKNP berjumlah RM32.90 juta menyumbang 82.9% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2022. **Berdasarkan trend, keuntungan syarikat dan aset berbanding liabiliti menunjukkan turun naik serta kerugian terkumpul dan liabiliti menunjukkan penurunan.** Keadaan ini menyebabkan **kedudukan kewangan syarikat yang kurang stabil dan risiko usaha berterusan (going concern) sekiranya syarikat berterusan mencatat kerugian.** Kedudukan kewangan; trend pendapatan; perbelanjaan; keuntungan/kerugian sebelum cukai; dan kerugian terkumpul bagi tiga tahun berkaitan seperti dalam **Jadual 6, Carta 3, Carta 4 dan Carta 5.**

**JADUAL 6**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN PERAK INDUSTRIAL BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	9.70	3.67	2.92
Pendapatan Lain	1.17	5.73	1.96
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>10.87</b>	<b>9.40</b>	<b>4.88</b>
Perbelanjaan Pengurusan	(7.59)	(9.77)	(4.42)
Kos Jualan	(0.32)	0.00	(0.39)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>(7.91)</b>	<b>(9.77)</b>	<b>(4.81)</b>
<b>KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>2.96</b>	<b>(0.37)</b>	<b>0.07</b>
Cukai	0.00	0.02	(0.02)
<b>KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SELEPAS CUKAI</b>	<b>2.96</b>	<b>(0.39)</b>	<b>0.09</b>
<b>KERUGIAN TERKUMPUL</b>	<b>(19.09)</b>	<b>(19.48)</b>	<b>(19.39)</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>36.58</b>	<b>34.68</b>	<b>25.54</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>50.42</b>	<b>48.90</b>	<b>39.68</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>0.28</b>	<b>6.03</b>	<b>1.66</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

**CARTA 3**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**




**CARTA 4**  
**TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM**  
**CUKAI SERTA KERUGIAN TERKUMPUL**  
**BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

**CARTA 5**  
**JUMLAH LIABILITI BERBANDING ASET**  
**BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023

Setakat tahun kewangan 2022, jumlah liabiliti merangkumi hutang kepada PKNP berjumlah RM32.9 juta iaitu bersamaan 82.9% daripada liabiliti keseluruhan Perak Industrial. Bagi mengurangkan liabiliti tersebut, Perak Industrial telah mengemukakan cadangan penyelesaian hutang secara berperingkat kepada PKNP berjumlah lebih kurang RM15 juta.

Selain itu, unjuran kewangan Perak Industrial pada 31 Disember 2023 dijangka akan mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM10 juta dan secara langsung akan memberi impak pengurangan terhadap kerugian terkumpul daripada RM19.39 juta kepada RM9.39 juta. Perak Industrial juga menjangkakan prestasi kewangan akan semakin baik pada masa akan datang seiring dengan pelaksanaan projek yang dirancang.

**Pendapat Audit** | **Kedudukan kewangan Perak Industrial bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah kurang stabil dan berisiko usaha berterusan (going concern) sekiranya syarikat masih mencatat kerugian terkumpul yang melebihi jumlah modal berbayar.**

### **5.1.2.2 Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari**

- a. Analisis terhadap kedudukan kewangan tiga syarikat subsidiari yang aktif dilaksanakan berdasarkan pernyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Analisis merangkumi prestasi pendapatan; keuntungan/ kerugian sebelum cukai; dan keuntungan/kerugian terkumpul.
- b. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, syarikat PMSB mencatatkan trend peningkatan pendapatan manakala PCESB dan PIDSB mencatatkan trend turun naik pendapatan. Selain itu, hanya syarikat PMSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.59 juta pada tahun 2022 selepas mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM34,580 pada tahun 2021.  
**Syarikat PCESB mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun tersebut dan PIDSB mencatatkan kerugian sebelum cukai pada tahun 2021 dan 2022.** Kerugian sebelum cukai PIDSB ketara meningkat pada tahun 2022 disebabkan kos pengurusan yang dikenakan oleh Perak Industrial sejumlah RM1.73 juta.
- c. Analisis Audit Audit mendapati hanya PIDSB mencatatkan keuntungan terkumpul manakala **syarikat PMSB dan PCESB mencatatkan kerugian terkumpul bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.** Bagaimanapun, **keuntungan terkumpul syarikat PIDSB menunjukkan trend penurunan.** Perkara ini disebabkan kerugian sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2021 dan 2022.
- d. Analisis Audit seterusnya mendapati **semua syarikat subsidiari masih belum mampu untuk membayar dividen kepada Perak Industrial sejak diwujudkan.** Kedudukan kewangan syarikat subsidiari seperti dalam **Jadual 7.**

**JADUAL 7**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	PMSB	Pendapatan	3.46	3.50	4.84
		Perbelanjaan	3.14	3.53	4.25
		<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>	<b>0.32</b>	<b>(0.03)</b>	<b>0.59</b>
		<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>(8.10)</b>	<b>(8.04)</b>	<b>(7.46)</b>
2.	PCESB	Pendapatan	0.41	0.76	0.71
		Perbelanjaan	0.69	1.53	1.46
		<b>Kerugian Sebelum Cukai</b>	<b>(0.28)</b>	<b>(0.77)</b>	<b>(0.75)</b>
		<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>(0.32)</b>	<b>(1.09)</b>	<b>(1.84)</b>
3.	PIDSB	Pendapatan	0.35	0.70	0.65
		Perbelanjaan	0.32	0.89	1.77
		<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>	<b>0.03</b>	<b>(0.19)</b>	<b>(1.12)</b>
		<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>7.86</b>	<b>7.67</b>	<b>6.55</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Subsidiari Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### **Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023**

Bermula tahun 2020, Perak Industrial telah menyusun aktiviti sewaan bangunan, pengurusan aset dan fasiliti di bawah PMSB yang sebelum ini ialah syarikat dorman dan tidak beroperasi. PMSB telah berjaya mencatat pengurangan kerugian terkumpul berjumlah RM0.7 juta untuk tempoh tiga tahun dari 2020 hingga 2022. Sebagai strategi jangka panjang, PMSB telah memohon Lesen Kontraktor G5 yang telah diluluskan pada 1 Mac 2023 bagi projek *Solar Street Lighting* dan juga memasuki tender untuk bekalan sistem hidroponik fertigasi.

PCESB sebelum ini merupakan syarikat dorman dan mula aktif beroperasi pada tahun 2020 bagi menjalankan aktiviti khidmat latihan dan kursus yang berdaftar di bawah HRDC. Aktiviti latihan agak terbatas disebabkan pelaksanaan PKP berikutan penularan Covid-19 sepanjang tahun 2020 hingga 2022. Bagi memperbaiki prestasi kewangan PCESB, pihak pengurusan telah menambah dua modul program latihan iaitu Modul Kursus Tranformasi Minda secara kolaborasi dengan PKNP dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mulai tahun 2023 dan modul Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Keusahawanan mulai tahun 2024.

PIDSB telah mencatat penurunan keuntungan terkumpul pada tahun 2021 dan 2022. Penurunan ini disebabkan Perak Industrial mengenakan kos pengurusan kepada PIDSB yang tidak mempunyai kakitangan. Perkara ini juga adalah selaras dengan perancangan kewangan dan percukaian Kumpulan Perak Industrial termasuk memanfaatkan kos percukaian syarikat dalam Kumpulan Perak Industrial.

**Pendapat Audit** | **Kedudukan kewangan keseluruhan syarikat subsidiari adalah kurang stabil kerana dua syarikat masih mencatatkan kerugian terkumpul dan satu syarikat mencatatkan penurunan keuntungan terkumpul pada tahun 2022. Pelaburan dalam syarikat subsidiari juga tidak menguntungkan kerana pulangan dalam bentuk dividen masih belum diperoleh oleh Perak Industrial.**

#### **5.1.2.3 Pulangan Dividen Tahunan kepada PKNP**

- a. Salah satu objektif penubuhan Perak Industrial adalah untuk memberi pulangan dividen secara konsisten kepada PKNP.
- b. Semakan Audit mendapati Perak Industrial telah menjana keuntungan selepas cukai pada tahun 2020 hingga 2022 iaitu masing-masing berjumlah RM2.96 juta dan RM89,350. Bagaimanapun, berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022, Lembaga Pengarah Perak Industrial tidak mencadangkan pembayaran dividen kepada PKNP. Semakan Audit seterusnya mendapati **Perak Industrial tidak pernah membayar dividen kepada PKNP sejak diwujudkan pada tahun 1997.**
- c. Pihak Audit juga mendapati pada tahun 2020, Kumpulan Perak Industrial mempunyai sejumlah RM51.01 juta hutang kepada PKNP. Analisis Audit mendapati jumlah hutang tersebut telah menunjukkan penurunan iaitu sejumlah RM7.77 juta pada tahun 2022 menjadikan baki hutang pada tahun 2022 adalah RM43.24 juta.

#### **Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023**

Merujuk kepada Perkara 131 dan 132 Akta Syarikat 2016, pengagihan dividen boleh dibuat daripada keuntungan yang ada bagi syarikat itu jika syarikat menjadi solven. Memandangkan Perak Industrial masih mencatat kerugian terkumpul setakat tahun 2022 berjumlah RM19.39 juta dan liabiliti syarikat ialah RM39.68 juta berbanding aset RM25.54 juta, maka Perak Industrial akan menumpukan usaha untuk penyelesaian hutang kepada PKNP terlebih dahulu.

**Pendapat Audit** | Pada keseluruhannya, Perak Industrial masih gagal memberi pulangan dividen kepada syarikat induk walaupun menjana keuntungan pada tahun 2020 dan 2022. Bagaimanapun, Kumpulan Perak Industrial telah membayar hutang kepada PKNP sejumlah RM7.77 juta pada tahun 2022.

## 5.2. Pengurusan Aktiviti

### 5.2.1. Aktiviti yang Dilaksanakan oleh Perak Industrial

Penilaian Audit bagi aktiviti yang dilaksanakan Perak Industrial merangkumi perkhidmatan pengurusan, sewaan dan pegangan saham.

#### 5.2.1.1. Perkhidmatan Pengurusan

- a. Perak Industrial telah menandatangani perjanjian dengan PKNP pada 1 April 2020 bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan meliputi pengurusan sumber manusia, Setiausaha Syarikat, percukaian, perakaunan dan kewangan, pentadbiran serta undang-undang kepada PKNP dan syarikat subsidiarinya.
- b. Semakan Audit mendapati jumlah pendapatan penyediaan perkhidmatan pengurusan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM9.14 juta. Pihak Audit mendapati keseluruhan pendapatan penyediaan perkhidmatan pengurusan telah digunakan untuk membayar hutang Perak Industrial kepada PKNP.
- c. Perkara ini berlaku kerana tunggakan hutang Perak Industrial kepada PKNP pada tahun 2020 berjumlah RM40.46 juta. Keadaan ini menjadikan jumlah tunggakan hutang kepada PKNP menurun sejumlah RM7.56 juta kepada RM32.9 juta pada tahun 2022.

### Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023

Pendapatan perkhidmatan pengurusan berjumlah RM9.14 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 merupakan perkhidmatan pengurusan kepada PKNP dan anak syarikatnya. Antara salah satu hala tuju Perak Industrial adalah untuk mengurangkan jumlah keterutangan kepada PKNP melalui kontra bayaran daripada pendapatan perkhidmatan

pengurusan yang dilaksanakan Perak Industrial kepada PKNP. Perkara ini juga selaras dengan langkah PKNP sebagai salah satu kaedah penyelesaian/pengurangan hutang oleh subsidiari kepada PKNP bagi mengelakkan daripada rosot nilai hutang yang terlibat.

**Pendapat Audit** | **Aktiviti perkhidmatan pengurusan adalah cekap kerana berjaya memberikan pendapatan yang mengupayakan syarikat membayar hutang kepada PKNP berjumlah RM9.14 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.**

### **5.2.1.2. Perkhidmatan Sewaan**

Aktiviti penyewaan merangkumi pengurusan sewaan Asrama Murni yang terletak di Jelapang Free Trade Zone dan sewaan tanah untuk aktiviti pertanian di Lot 9801, Mukim Malim Nawar.

#### **a. Sewaan Asrama Murni**

- i. Perjanjian sewaan Asrama Murni telah ditandatangani bagi tempoh 1 Februari 2021 hingga 31 Januari 2023 dengan Syarikat 124522-U bagi menyediakan bilik penginapan kepada kakitangan syarikat. Kadar bayaran sewaan adalah berjumlah RM27,200 sebulan.
- ii. Semakan Audit mendapati bayaran sewaan bulanan yang diterima oleh Perak Industrial adalah mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian. Pihak Audit mendapati pendapatan sewaan direkodkan di bawah penyata kewangan Perak Industrial pada tahun 2020 dan 2021 dan PMSB pada tahun 2022.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, aktiviti sewaan Asrama Murni menjana pendapatan bersih antara RM290,762 (427.8%) hingga RM310,559 (497%) berbanding perbelanjaan. Bagaimanapun, keseluruhan aktiviti ini telah diambil semula oleh PKNP mulai bulan Januari 2023 berdasarkan surat PKNP bertarikh 21 November 2022.
- iv. Keadaan ini menyebabkan **Perak Industrial kehilangan sumber pendapatan yang menjana keuntungan mulai tahun 2023.**

Maklumat lanjut pendapatan daripada aktiviti sewaan Asrama Murni bagi tahun 2020 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PENDAPATAN DARIPADA AKTIVITI SEWAAN ASRAMA MURNI**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	PENDAPATAN (RM) (a)	PERBELANJAAN (RM) (b)	PENDAPATAN BERSIH (RM) (c) = (a)–(b)	PERATUS PENDAPATAN BERSIH BERBANDING BELANJA (%)
2020	478,945	175,795	303,150	172.4
2021	373,048	62,489	310,559	497
2022	358,724	67,962	290,762	427.8
<b>JUMLAH</b>	<b>1,210,717</b>	<b>306,246</b>	<b>904,471</b>	<b>295.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### b. Sewaan Tanah Pertanian

- i. Perak Industrial telah menandatangani perjanjian sewaan tanah pertanian di Lot 9801, Mukim Malim Nawar dengan Syarikat 622985-M mulai 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2025. Kadar bayaran sewaan bagi tempoh 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2022 berjumlah RM108,872 atau RM60 seekar sebulan.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2021 hingga 2022, bayaran sewaan yang diterima mengikut kadar yang ditetapkan iaitu RM108,872 setahun.

### Maklum Balas Perak Industrial pada 17 Ogos 2023

PKNP telah mengambil alih pengurusan Asrama Murni mulai tahun 2023 untuk dijadikan *Central Labour Quarters* (CLQ) di Negeri Perak yang dijangka siap pada tahun 2025. PMSB akan diberi keutamaan untuk meneruskan kontrak bagi kerja perkhidmatan landskap di CLQ tersebut.

**Pendapat Audit** | Pengurusan perkhidmatan sewaan adalah cekap kerana kutipan sewaan mengikut kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun, Perak Industrial telah kehilangan sumber pendapatan yang menjana keuntungan kerana aktiviti sewaan Asrama Murni telah diserahkan kepada PKNP mulai tahun 2023.

### **5.2.1.3. Pegangan Saham Dalam Syarikat Bukan Teras**

- a. Berdasarkan klausula 6 Perlembagaan Syarikat, salah satu bidang kuasa Perak Industrial adalah untuk memegang dan memiliki saham atau membuat pelaburan, memajak atau menjual dan mengurus, melaksanakan atau mengambil alih pengurusan perniagaan dan pengurusan korporat atau operasi mana-mana perniagaan atau syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2020 hingga 2022, Perak Industrial memiliki pegangan saham dalam dua syarikat bukan teras iaitu Syarikat 341580-T berjumlah RM12 juta (20%) dan Syarikat 204706-X berjumlah RM2.46 juta (25%). Pihak Audit mendapati bagi tempoh tersebut, **Perak Industrial tidak menerima pembayaran dividen daripada kedua-dua syarikat kerana syarikat tersebut mengalami kerugian.**
- c. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2020 pada 19 Februari 2020, Lembaga Pengarah Perak Industrial telah bersetuju untuk melupuskan pegangan saham dalam Syarikat 341580-T. Penjualan ini adalah disebabkan Perak Industrial melaksanakan strategi memperkemaskan operasi syarikat dengan melupuskan kepentingannya dalam syarikat bukan teras.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati pegangan saham Perak Industrial dalam Syarikat 341580-T telah dijual dengan bayaran berjumlah RM13.62 juta. Penjualan saham ini memberikan pulangan keuntungan sejumlah RM1.62 juta (13.5%) kepada Perak Industrial kerana nilai jualan saham adalah pada harga pasaran dan melebihi kos pelaburan iaitu RM12 juta. Keadaan ini membolehkan hasil pelupusan kepentingan digunakan sebagai modal operasi.

### **Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023 dan 9 Oktober 2023**

Pegangan saham Perak Industrial dalam Syarikat 204706-X sebanyak 25% dikekalkan untuk perancangan akan datang yang melibatkan kepentingan strategik Kerajaan Negeri dalam sektor pengangkutan komersial. Pelupusan pegangan saham ini perlu mendapat kelulusan PKNP dan Kerajaan Negeri.

**Pendapat Audit** | Aktiviti pengurusan pegangan saham dalam syarikat bukan teras adalah kurang cekap kerana tidak menjana pendapatan pasif melalui bayaran dividen. Namun, penjualan saham dalam Syarikat 341580-T masih memberi pulangan keuntungan kepada syarikat.

## **5.2.2. Aktiviti Melalui Syarikat Subsidiari**

### **5.2.2.1. Pengurusan Aset dan Fasiliti**

- a. Pengurusan Murni Sdn. Bhd. (PMSB) merupakan syarikat subsidiari Perak Industrial yang bertanggungjawab menguruskan aset dan fasiliti di bawah Kumpulan PKNP antaranya sewaan ruang pejabat PTTC, pengurusan pembersihan, landskap dan nurseri hutan, hidroponik dan fertigasi tanaman serta pembekalan dan pemasangan lampu solar. PMSB menguruskan 64 ruang pejabat PTTC dengan keluasan 10,634 meter per segi.
- b. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, aktiviti utama PMSB adalah sewaan ruang pejabat PTTC dan pengurusan landskap. Aktiviti pengurusan landskap baru mula dilaksanakan pada tahun 2022.
- c. Semakan Audit seterusnya terhadap aktiviti sewaan ruang pejabat PTTC mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Sejumlah 8,536 meter per segi (80.3%) daripada 10,634 meter per segi merangkumi 50 ruang pejabat telah disewakan setakat 31 Disember 2022. Baki 2,098 meter per segi merangkumi 14 ruang pejabat belum disewakan.
  - ii. Setakat 31 Mei 2023, **tunggakan sewaan ruang pejabat berjumlah RM318,856 dengan tempoh tunggakan antara sebulan hingga tiga tahun melibatkan 35 penyewa.** Bagaimanapun, **tiada bukti laporan tunggakan sewaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan SOP Penghutang juga tidak diwujudkan.** Keadaan ini **menyebabkan pemantauan terhadap tunggakan sewaan tidak dibuat.** Selain itu, **tiada bukti tindakan kutipan tunggakan sewaan telah dibuat oleh PMSB.** Maklumat lanjut tunggakan sewaan seperti dalam **Jadual 9.**

**JADUAL 9**  
**TUNGGAKAN SEWA RUANG PEJABAT PTTC SEHINGGA 31 MEI 2023**

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN	BIL.PENYEWA	AMAUN TUNGGAKAN (RM)
1.	1 bulan	12	115,969.78
2.	2 bulan	4	19,345.70
3.	3 bulan	3	8,561.66
4.	4 bulan	3	9,229.60
5.	5 bulan	3	1,718.45

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN	BIL.PENYEWA	AMAUN TUNGGAKAN (RM)
6.	Melebihi 5 bulan hingga 3 tahun	10	164,030.55
	<b>JUMLAH</b>	<b>35</b>	<b>318,855.74</b>

Sumber: Penyata Sewaan Ruang Pejabat PTTC pada 31 Mei 2023

d. Analisis Audit mendapati pendapatan aktiviti pengurusan asset dan fasiliti adalah antara RM3.46 juta hingga RM4.84 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Analisis Audit seterusnya mendapati peratus keuntungan yang dijana daripada pendapatan bagi tempoh tersebut adalah 9.2% pada tahun 2020 dan 12.1% pada tahun 2022. Bagaimanapun, pada tahun 2021 mencatatkan kerugian RM34,580. Perkara ini berlaku kerana perbelanjaan pengurusan yang tinggi bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 iaitu antara RM3.14 juta hingga RM4.26 juta. Keadaan ini menyebabkan Lembaga Pengarah PMSB tidak mencadangkan pembayaran dividen kepada Perak Industrial. Maklumat lanjut pendapatan, perbelanjaan serta keuntungan aktiviti pengurusan asset dan fasiliti bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA KEUNTUNGAN AKTIVITI PENGURUSAN**  
**ASET DAN FASILITI BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	PENDAPATAN (RM) (a)	PERBELANJAAN (RM) (b)	KEUNTUNGAN (RM) (c) = (a)-(b)	PERATUS KEUNTUNGAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
2020	3,461,836	3,141,724	320,112	9.2
2021	3,500,640	3,535,220	(34,580)	(1)
2022	4,843,667	4,255,306	588,361	12.1
<b>JUMLAH</b>	<b>11,806,143</b>	<b>10,932,250</b>	<b>873,893</b>	<b>7.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023

Keluasan sewaan bangunan/ruang yang boleh disewakan adalah kira-kira 80% daripada keseluruhan ruang disebabkan reka bentuk bangunan PTTC pada asalnya dibina bagi tujuan kegunaan PKNP dan bukan bertujuan komersial.

Tunggakan sewaan berjumlah RM318,856 setakat bulan Mei 2023 termasuk jumlah sewa yang dibayar setiap dua bulan sekali berjumlah RM115,970. Setakat 31 Julai 2023, tunggakan penyewa bagi tempoh dua bulan ke atas berjumlah RM106,590. PMSB juga telah mengambil tindakan sewajarnya bagi menuntut bayaran tunggakan dengan mengeluarkan surat tuntutan bayaran kepada penyewa yang mempunyai tunggakan bayaran.

Perbelanjaan pengurusan yang tinggi disebabkan kos selenggaraan merangkumi baik pulih kemudahan dan fasiliti bangunan serta kos caj elektrik yang telah meningkat berikutan usia bangunan PTTC telah melebihi 20 tahun. Perancangan menaik taraf sistem pendingin hawa tidak dapat dilakukan pada masa kini disebabkan kos yang besar lebih kurang RM1.5 juta walaupun berpotensi untuk mengurangkan kos caj elektrik.

**Pendapat Audit** | **Pengurusan aktiviti aset dan fasiliti adalah kurang cekap kerana masih belum berjaya mengutip tunggakan sewaan melebihi lima bulan.**

#### **5.2.2.2. Latihan dan Kursus**

- a. Perak Centre of Excellence Sdn. Bhd. (PCESB) bertanggungjawab untuk menawarkan khidmat latihan dan kursus kepada kakitangan Kumpulan PKNP serta agensi Kerajaan Negeri dengan jumlah kakitangan seramai sepuluh orang diketuai oleh seorang Pengurus Besar.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, **peratus pelaksanaan latihan dan kursus adalah antara 48.1% hingga 50% berbanding yang dirancang.** Perkara ini disebabkan pelaksanaan PKP berikutan penularan pandemik Covid-19 yang berlaku pada awal tahun 2020 hingga 2022. Keadaan ini menyebabkan latihan dan kursus tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati **jumlah perbelanjaan aktiviti latihan dan kursus melebihi pendapatan pada ketiga-tiga tahun.** Perkara ini berlaku disebabkan perbelanjaan gaji dan elauan kakitangan yang tinggi iaitu antara RM354,835 (51.7%) hingga RM953,591 (62.5%) daripada jumlah perbelanjaan tahunan. Keadaan ini menyebabkan PCESB mencatatkan kerugian pada ketiga-tiga tahun antara RM276,433 hingga RM763,749. Maklumat lanjut perancangan, pelaksanaan, pendapatan serta keuntungan aktiviti latihan dan kursus bagi tahun 2020 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 11.**

**JADUAL 11****PERANCANGAN, PELAKSANAAN, PENDAPATAN SERTA KEUNTUNGAN AKTIVITI LATIHAN DAN KURSUS BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	BIL. LATIHAN		PERATUS PELAKSANAAN (%)	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM) (b)	KEUNTUNGAN (RM) (c) = (a)-(b)
	RANCANG	LAKSANA				
2020	31	15	48.4	410,413	686,846	(276,433)
2021	52	25	48.1	762,128	1,525,877	(763,749)
2022	48	24	50.0	712,871	1,462,991	(750,120)
<b>JUMLAH</b>	<b>131</b>	<b>64</b>	<b>48.9</b>	<b>1,885,412</b>	<b>3,675,714</b>	<b>(1,790,302)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan Perak Industrial bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### **Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023**

Pihak pengurusan telah melakukan langkah pengurangan kos bermula tahun 2022 iaitu tiada sebarang pengambilan baharu untuk warga kerja yang telah meletakkan jawatan mahupun bersara.

Bagi meningkatkan pendapatan, PCESB telah mengambil beberapa inisiatif iaitu:

- i. meneroka peluang perniagaan di negeri lain seperti Terengganu dan Kedah sejak tahun 2022;
- ii. memperkenalkan Program Pembangunan Usahawan bagi pelajar TVET pada tahun 2023 bagi tujuan usaha sama bersama Sekretariat Usahawan Perak;
- iii. menjalankan usaha sama strategik bersama Institut Koperasi Malaysia dan Darul Iman Training Centre yang dijangka akan direalisasikan pada suku tahun keempat tahun 2023;
- iv. melebarkan cabang program latihan dengan mengendalikan Program Transformasi Minda mulai tahun 2023 dengan kerjasama PKNP dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; dan
- v. meneroka program pensijilan dalam bidang teknologi maklumat iaitu Microsoft Certification Program yang dijangka akan bermula pada suku tahun keempat 2023.

**Pendapat Audit** | Pengurusan aktiviti latihan dan kursus adalah kurang cekap kerana mencatatkan kerugian bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

### **5.2.2.3. Hartanah dan Kuari**

- a. PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd. (PIDSB) telah menandatangani perjanjian pada 17 Januari 2013 dengan Syarikat 597223-K dalam aktiviti kuari bahan batuan. Tempoh perjanjian ialah selama 20 tahun. Berdasarkan klausu perjanjian 1.2(d), PIDSB akan menerima bayaran royalti mengikut kadar RM1.10 per metrik tan dengan kenaikan 10% setiap lima tahun. Pengeluaran minimum bahan batuan ialah 20,000 metrik tan sebulan.
- b. Semakan Audit mendapati kadar bayaran royalti telah dinaikkan 10% iaitu daripada RM1.10 ke RM1.20 per metrik tan pada tahun 2018. Semakan Audit selanjutnya mendapati Perak Industrial telah mencadangkan kenaikan 25% kadar bayaran royalti iaitu RM1.50 per metrik tan kepada Syarikat 597223-K mulai tahun 2023 melalui surat bertarikh 2 November 2022. Kadar ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Perak Industrial melalui Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 5 Jun 2022. Cadangan ini telah dipersetujui oleh Syarikat 597223-K berdasarkan surat bertarikh 7 April 2023. Kenaikan kadar ini membolehkan Perak Industrial memperoleh anggaran bayaran royalti sejumlah RM750,000 bagi 500,000 metrik tan pengeluaran bahan batuan pada tahun 2023.
- c. Semakan Audit mendapati pengeluaran bahan batuan bulanan adalah melebihi 20,000 metrik tan kecuali bagi bulan Mac hingga Mei 2020. Perkara ini adalah disebabkan pelaksanaan PKP pada tempoh tersebut yang menghadkan aktiviti sektor perlombongan. Perkara ini menyebabkan Perak Industrial menerima bayaran royalti minimum sejumlah RM24,000 sebulan bagi tempoh tersebut.
- d. Berdasarkan laporan pengeluaran bahan batuan daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Perak bagi tahun 2021 dan 2022 yang diperoleh pada 13 Julai 2023, pihak Audit mendapati jumlah pengeluaran bahan batuan dalam laporan Syarikat 597223-K berbeza dengan laporan PTG Negeri Perak. Analisis Audit mendapati jumlah pengeluaran bahan batuan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 dalam laporan Syarikat 597223-K adalah antara 260,038 metrik tan hingga 557,424 metrik tan. Bagaimanapun, jumlah pengeluaran bahan batuan dalam laporan PTG Negeri Perak bagi tempoh yang sama adalah antara 348,017 metrik tan hingga 667,692 metrik tan.
- e. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 pada 18 Disember 2020 mendapati perkara ini berlaku kerana Syarikat 597223-K hanya boleh menggunakan kelulusan lesen pengeksportan atas nama Kumpulan bagi semua kuari yang diusahakan oleh Syarikat

597223-K. Perkara ini menyebabkan berlaku perbezaan pengeluaran bahan batuan sejumlah 254,718 metrik tan yang lebih rendah oleh Syarikat 597223-K berbanding laporan PTG. Maklumat lanjut pengeluaran bahan batuan di kuari Perak Industrial berdasarkan laporan Syarikat 597223-K dan PTG Negeri Perak bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PENGELUARAN BAHAN BATUAN DI KUARI PERAK INDUSTRIAL**  
**BERDASARKAN LAPORAN SYARIKAT 597223-K DAN PTG NEGERI**  
**PERAK BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	PENGELUARAN BAHAN BATUAN (METRIK TAN)		PERBEZAAN (c) = (b) – (a)
	LAPORAN SYARIKAT 597223-K (a)	LAPORAN PTG (b)	
2020	260,038	348,017	87,979
2021	557,424	667,692	110,268
2022	508,717	565,188	56,471
<b>JUMLAH</b>	<b>1,326,179</b>	<b>1,580,897</b>	<b>254,718</b>

Sumber: Laporan Pengeluaran Bahan Batuan oleh Syarikat 597223-K dan PTG

### Maklum Balas Perak Industrial pada 14 September 2023

Pengurusan Perak Industrial telah mencadangkan kenaikan bayaran royalti bagi meningkatkan pendapatan syarikat melalui Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 5 Jun 2022 dan juga persetujuan dari Syarikat 597223-K melalui surat bertarikh 7 April 2023. Perak Industrial akan memastikan bahawa Syarikat 597223-K akan mematuhi bayaran royalti tersebut.

Perak Industrial juga akan memastikan Laporan Pengeluaran Bahan Batuan oleh Syarikat 597223-K untuk pasaran tempatan dan eksport bagi setiap tahun adalah konsisten dan bertepatan dengan laporan yang dikemukakan kepada PTG Negeri Perak bagi mengelakkan ketirisan pendapatan Perak Industrial.

**Pendapat Audit** | Pengurusan aktiviti kuari adalah cekap kerana bayaran royalti yang diterima adalah mengikut kadar yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

### **5.2.3. Aktiviti Usaha Sama**

#### **5.2.3.1. Penternakan Udang Air Masin**

- a. Perak Industrial telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan Syarikat 1365390-X untuk menjalankan aktiviti penternakan udang air masin bagi tempoh 10 tahun pada 18 Disember 2020. Syarikat Nation Talent Sdn. Bhd. (NTSB) telah ditubuhkan dengan modal berbayar RM1 juta merangkumi pegangan saham 51% (Perak Industrial) dan 49% (Syarikat 1365390-X) bagi melaksanakan aktiviti penternakan udang air masin. Kos keseluruhan projek adalah berjumlah RM13.50 juta.
- b. Semakan Audit mendapati **tempoh pembinaan tapak ternakan perlu disiapkan tidak ditetapkan dalam dokumen perjanjian**. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak peguam yang menyediakan dokumen kontrak tersebut bahawa tempoh tapak ternakan perlu disiapkan tidak ditetapkan kerana mengambil kira proses kelulusan daripada pelbagai agensi mengambil masa yang lama. Perkara ini menyebabkan **pemantauan terhadap kemajuan kerja pelaksanaan pembinaan tapak tidak dapat dinilai**.
- c. Lawatan fizikal Audit pada 22 Jun 2023 mendapati penternakan udang air masin masih belum dijalankan. Berdasarkan laporan kemajuan kerja yang disediakan oleh perunding pembinaan, **peratus pembinaan tapak ternakan hanya mencapai 50%** dengan jumlah perbelanjaan RM4.5 juta yang disalurkan oleh Syarikat 1365390-X. Perkara ini berlaku kerana permohonan pinjaman Perak Industrial sejumlah RM16 juta masih belum diluluskan oleh Agrobank walaupun permohonan dan dokumen diperlukan telah dikemukakan pada 31 Januari 2021. Perkara ini menyebabkan **berlaku kelewatan pembinaan tapak ternakan udang dan seterusnya melewatkannya proses pelepasan benih udang**.
- d. Berdasarkan klausula 4 perjanjian, struktur yang akan dibina bagi Zon 1 merangkumi binaan seperti berikut:
  - i. sebuah pejabat berserta kuarters kakitangan dan surau satu tingkat;
  - ii. sebuah stor dan harvest station satu tingkat;
  - iii. sebuah kuarters pekerja dan ruang generator satu tingkat;
  - iv. kolam ternakan;
  - v. sebuah ruang sampah; dan
  - vi. sebuah pondok pengawal satu tingkat.

e. Pihak Audit juga mendapati kerja pembinaan bagi perkara seperti di perenggan d(i) hingga (iv) sedang dilaksanakan. Bagaimanapun, **binaan ruang sampah dan pondok pengawal masih belum dibina**. Status pembinaan di tapak ternakan udang semasa lawatan fizikal Audit seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Pejabat Pentadbiran, Kuarters Kakitangan, Surau, Stor dan  
*Harvest Station*  
-Kerja Binaan Asas Bangunan Sedang Dilaksanakan  
(22.06.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Kuarters Pekerja dan Ruang *Generator*  
-Kerja Binaan Asas Bangunan Sedang Dilaksanakan  
(22.06.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Kolam Ternakan Udang  
-Kerja Meninggikan Tebing Kolam Sedang Dilaksanakan  
(22.06.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



### Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023

Lanjutan daripada lawatan tapak oleh Jabatan Audit Negara bersama Perak Industrial pada 22 Jun 2023, Perak Industrial telah mengemukakan surat bertarikh 27 Jun 2023 kepada Agrobank bagi mendapatkan status permohonan dana pembiayaan projek ternakan udang air masin ini. Bagaimanapun setakat 4 Ogos 2023, tiada maklum balas bertulis diperoleh daripada pihak bank kecuali dimaklumkan bahawa permohonan NTSB adalah di peringkat akhir untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Semi Lembaga Pengarah Agrobank yang dijadualkan pada minggu ketiga bulan Ogos 2023. Perak Industrial juga sedang mengenal pasti sumber dana pembiayaan daripada institusi kewangan lain yang sesuai sebagai opsyen sekiranya terdapat masalah kelulusan daripada Agrobank.

**Pendapat Audit** | Pengurusan aktiviti ternakan udang air masin adalah kurang cekap kerana kelewatan pembinaan tapak ternakan udang disebabkan kekurangan dana yang mencukupi menjelaskan pelaksanaan projek.

### 5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat meningkatkan kecekapan bagi mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih teratur, telus dan bertanggungjawab. Secara keseluruhannya, Perak Industrial hanya mengamalkan dua daripada lapan aspek tadbir urus korporat iaitu Ketua Pegawai Eksekutif serta Pelan Strategik dan KPI. Enam aspek yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam. Penemuan ringkas seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT YANG PERLU DIAMBIL TINDAKAN OLEH PERAK INDUSTRIAL**

ASPEK	AMALAN TERBAIK / PERATURAN	PENEMUAN AUDIT
Pengerusi	Panduan 1.2 MCCG 2021: Tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan dengan jelas.	Tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan dengan jelas kerana surat lantikan tidak dibuat secara bertulis dan hanya dibuat melalui Resolusi Lembaga Pengarah.
<b>Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023</b> Segala tanggungjawab dan peranan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah telah dinyatakan dengan jelas mengikut Akta 777, Akta Syarikat 2016 yang dirujuk bagi memastikan perjalanan urusan Syarikat berjalan lancar mengikut tatacara di dalam Undang-undang Syarikat.		
Lembaga Pengarah	Amalan 5.2 MCCG 2021: Sekurang-kurangnya separuh daripada Lembaga Pengarah adalah pengarah bebas.	Kedua-dua ahli Lembaga Pengarah yang dilantik tidak berstatus bebas kerana merupakan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengarah Kewangan dan Akaun syarikat induk.
<b>Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023</b> Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNP Bilangan 2 Tahun 2021 telah memberi tanggungjawab kepada ahli Lembaga Pengarah Perak Industrial bagi memastikan segala perancangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNP dapat dilaksanakan di peringkat anak syarikat tanpa wujud keperluan mendesak untuk melantik ahli Lembaga Pengarah yang berstatus bebas di dalam Perak Industrial.		
Setiausaha Syarikat	Seksyen 236 (1) Akta Syarikat: Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha dan menentukan terma dan syarat pelantikan tersebut.	Terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat tidak disediakan.
<b>Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023</b> Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNP Bil 2 Tahun 2021 telah bersetuju meletakkan Unit Kesetiausahaan PKNP menjadi Setiausaha Syarikat bagi semua syarikat subsidiari milik penuh PKNP sebagai salah satu mekanisme kawalan dengan skop tugas dan tanggungjawab yang terkandung dalam SOP Unit Kesetiausahaan PKNP bertarikh 30 Oktober 2014.		
Prosedur Operasi Standard (SOP)	MKD Handbook - perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28: Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.	SOP yang digunakan tidak lengkap iaitu tidak merangkumi SOP bagi aktiviti perkhidmatan pengurusan (shared services), pengurusan penghutang dan pembiutang.

ASPEK	AMALAN TERBAIK / PERATURAN	PENEMUAN AUDIT
<b>Maklum Balas Perak Industrial pada 8 Ogos 2023</b>		
Jawatankuasa Audit (JKA)	<p>Hasil yang disasarkan 9.0 MCCG 2021 dan perenggan 1.2.1 Green Book:</p> <p>Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan JKA. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan memberi syor terhadap kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah bagi meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusuran syarikat.</p>	JKA tidak menilai dan memberi syor terhadap kawalan dalaman operasi Perak Industrial kepada Lembaga Pengarah.
<b>Maklum Balas Perak Industrial pada 14 September 2023</b>		
Audit Dalam	<p>Panduan 11.1 MCCG 2021:</p> <p>Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah program syarikat. Peranan utama Audit Dalam ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan.</p>	Tiada pengauditan terhadap Perak Industrial bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pendapat Audit** **Secara keseluruhan, amalan tadbir urus korporat Perak Industrial kurang memuaskan. Tindakan perlu diambil untuk menambah baik enam aspek yang tidak dipatuhi bagi meningkatkan tahap amalan tadbir urus korporat baik syarikat.**

## 6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, Perak Industrial belum berjaya mencapai objektif penubuhan syarikat terutamanya dalam meningkatkan kedudukan kewangan syarikat dan pulangan dividen. Pencapaian output bagi strategi memperkemas operasi syarikat adalah baik dengan peratus pencapaian 71.1% dan 78.2% berbanding sasaran yang ditetapkan setakat tahun 2022. Pencapaian output bagi strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada adalah baik pada tahun 2020 hingga 2022 dengan pencapaian antara 72.5% hingga

145.1% berbanding sasaran yang ditetapkan. Pencapaian output bagi strategi meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing adalah memuaskan iaitu satu projek telah dilaksanakan, satu projek akan disiapkan pada tahun 2024 dan satu projek dibatalkan.

6.2. Pencapaian keberhasilan yang dinilai berdasarkan prestasi kewangan Perak Industrial dan syarikat subsidiari serta pulangan dividen kepada PKNP masih belum tercapai. Bagaimanapun, Perak Industrial telah mampu mengurangkan hutang kepada PKNP. Kedudukan kewangan Perak Industrial bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah kurang stabil dan berisiko usaha berterusan (going concern) sekiranya syarikat masih mencatat kerugian terkumpul yang melebihi jumlah modal berbayar serta penurunan dalam tunai dan kesetaraan tunai. Kedudukan keseluruhan syarikat subsidiari adalah kurang stabil kerana dua syarikat masih mencatatkan kerugian terkumpul dan satu syarikat mencatatkan penurunan keuntungan terkumpul pada tahun 2022.

6.3. Pengurusan aktiviti syarikat adalah kurang cekap terutamanya aktiviti perkhidmatan sewaan; pegangan saham; pengurusan aset dan fasiliti; latihan dan kursus; serta aktiviti penternakan udang air masin. Perak Industrial telah kehilangan sumber pendapatan yang menjana keuntungan kerana aktiviti sewaan Asrama Murni telah diserahkan kepada PKNP mulai tahun 2023. Pegangan saham dalam syarikat bukan teras juga tidak menjana pendapatan pasif melalui bayaran dividen. Pengurusan aktiviti aset dan fasiliti adalah kurang cekap kerana masih belum berjaya mengutip tunggakan sewaan melebihi lima bulan. Aktiviti latihan dan kursus adalah kurang cekap kerana mencatatkan kerugian pada tahun 2020, 2021 dan 2022. Pelaksanaan aktiviti penternakan udang air masin kurang cekap kerana kelewatan menyiapkan tapak ternakan udang disebabkan Perak Industrial kekurangan dana.

6.4. Selain itu, amalan tadbir urus korporat Perak Industrial kurang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan bagi enam aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, JKA dan Audit Dalam.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan Perak Industrial serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah Perak Industrial perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Perak Industrial memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

7.1. mengkaji semula pelaburan dalam perniagaan bukan teras bagi memastikan pelaburan dapat menjana pendapatan pasif melalui pembayaran dividen tahunan;

- 7.2. mempertingkatkan pemantauan terhadap aktiviti aset dan fasiliti, latihan dan kursus serta penternakan udang air masin daripada segi operasi perniagaan dan prestasi kewangan;
- 7.3. mengenal pasti dan meneroka aktiviti perniagaan baharu yang boleh menjana pendapatan seterusnya dapat meningkatkan keuntungan terkumpul syarikat; dan
- 7.4. mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik antaranya berkaitan lantikan Pengurus, Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat; pengemaskinian dan pemantauan SOP; serta pelaksanaan tanggungjawab dan peranan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.